

# PM lancar PADU hari ini

**Kuala Lumpur:** Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim akan melancarkan Pangkalan Data Utama (PADU) iaitu sistem yang mengandungi profil individu dan isi rumah membabitkan warganegara dan pemastautin tetap di Malaysia, di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), hari ini.

Majlis bermula jam 8.30 pagi hingga 2 petang itu, membabitkan pembentangan mengenai PADU oleh Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin dan forum bertajuk 'Memacu Peralihan Melalui PADU', sebelum Anwar merasmikan sistem itu pada jam 12.15 tengah hari.

Kementerian Ekonomi pada laman Facebook memaklumkan, PADU dibuka secara rasmi kepada seluruh rakyat Malaysia selepas majlis pelancaran itu.

PADU adalah penyediaan pangkalan data utama negara yang selamat dan komprehensif yang membolehkan analitik data lebih tepat dihasilkan serta pengubalan dasar dan proses membuat keputusan berpacuan data, selain membolehkan pelaksanaan dasar secara bersasar bagi mengimbangi kedudukan fiskal.

Maklumat profil akan diperolehi melalui pengintegrasian data pentadbiran daripada pelbagai sumber dan sebahagiannya akan dikemas kini individu.

Pelaksanaan PADU bagi meningkatkan kecekapan pengurusan yang memudahkan pengumpulan, penyimpanan dan pengurusan data daripada pelbagai sumber, serta meningkatkan penyampaian perkhidmatan kerajaan bagi membolehkan perkhidmatan lebih baik dan cekap disampaikan kepada rakyat.

BERNAMA